

PRINSIP UNDANG-UNDANG KEMANUSIAAN ANTARABANGSA DAN PEMAKAIANNYA DALAM SISTEM KEADILAN ANTARABANGSA

PRINCIPLES OF INTERNATIONAL HUMANITARIAN LAW AND THEIR APPLICATION IN THE INTERNATIONAL JUSTICE SYSTEM

ⁱ Ahmad Sanusi Ali, ^{ii*} Muhamad Sayuti Hassan, ⁱⁱⁱ Salawati Mat Basir

ⁱ Postgraduate student, Faculty of Law, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

^{ii*} Senior Lecturer, Faculty of Law, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

ⁱⁱⁱ Professor, Faculty of Law, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

*Corresponding author: sayutihassan@ukm.edu.my

ABSTRAK

Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa (UUKA) merupakan satu cabang penting dalam undang-undang antarabangsa yang bertujuan untuk mengawal selia cara peperangan dijalankan serta memberikan perlindungan kepada individu yang tidak mengambil bahagian dalam persengketaan senjata, khususnya orang awam, mangsa konflik, dan tawanan perang. Dalam konteks konflik bersenjata moden yang semakin kompleks dan melibatkan pelbagai aktor, prinsip-prinsip asas UUKA menjadi panduan moral dan undang-undang yang amat diperlukan bagi untuk memastikan kemanusiaan terus dihormati. Artikel ini mengupas lima prinsip utama yang menjadi teras kepada UUKA, iaitu Prinsip Kemanusiaan, Keperluan, Keseimbangan, Perbezaan, dan Perlindungan Mangsa Konflik. Penulisan ini menganalisis prinsip-prinsip tersebut melalui kajian kes peperangan global, serta menilai bagaimana prinsip ini dikuatkuasakan dalam sistem pengadilan antarabangsa seperti Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC) atau Mahkamah Tribunal Antarabangsa yang lain. Walaupun wujud mekanisme perundangan dan institusi yang berkaitan, pelanggaran terhadap prinsip-prinsip tersebut masih berleluasa, sekali gus menunjukkan wujudnya cabaran yang besar dalam memastikan pematuhan terhadap UUKA di peringkat global.

Article history:

Submission date: 27 March 2026

Received in revised form: 29 June 2026

Acceptance date: 29 June 2026

Keywords:

Konflik bersenjata; keamanan dan keselamatan; perang; undang-undang antarabangsa; undang-undang kemanusiaan antarabangsa

Funding:

This research received no specific grant from any funding agency in the public, commercial, or not-for-profit sectors.

Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

Cite as:

Ali, A. S., Hassan, M. S., & Basir, S. M. (2026). Prinsip Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa dan Pemakaiannya dalam Sistem Keadilan Antarabangsa. *Current Legal Issues*, 8(1), 73-98.

ABSTRACT

International Humanitarian Law (IHL) is a vital branch of international law that regulates the conduct of warfare and protects individuals who do not take part in armed hostilities, particularly civilians, victims of conflict, and prisoners of war. In the context of modern armed conflicts, which are increasingly complex and involve various diverse actors, the fundamental principles of IHL serve as essential moral and legal guidelines to ensure that uphold humanity is upheld. This article discusses five core principles underpinning IHL: the Principles of Humanity, Necessity, Proportionality, and Distinction; and the Protection of Victims of Conflict. This paper analyses these principles through case studies of global conflicts and examines how they are enforced within the international judicial system, including the International Criminal Court (ICC) and other international tribunals. Despite the existence of legal mechanisms and relevant institutions, violations of these

principles remain widespread, highlighting significant challenges in ensuring global compliance with IHL.

PENGENALAN

Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa (UUKA) ialah satu badan peraturan yang mengenakan had terhadap penggunaan senjata dan kaedah peperangan. Ia melindungi mereka yang tidak atau tidak lagi mengambil bahagian dalam pertempuran persengketaan bersenjata. UUKA bertujuan melindungi maruah manusia dan berusaha mengurangkan penderitaan semasa persengketaan bersenjata. UUKA adalah salah satu undang-undang yang paling penting yang dimiliki oleh masyarakat antarabangsa bagi menjamin keselamatan dan maruah manusia semasa perang atau konflik bersenjata. Ia bertujuan untuk memelihara satu tahap amalan kemanusiaan yang tertentu dengan berpandukan prinsip bahawa peperangan juga ada hadnya (Azrul Azlan Abdul Rahman, 2017). Sesebuah negara mempunyai kewajiban untuk melindungi hak-hak rakyat. Jika sesebuah negara tidak boleh melakukannya, maka jika terdapat individu yang mengalami penderitaan yang serius, atau dalam kes-kes perang saudara, pemberontakan, penindasan negara terhadap rakyat atau mana-mana kegagalan negara, kedaulatannya perlu dihapuskan untuk membantu rakyat yang berada di dalam bahaya (Muhammad Fahmi bin Md Ramzan dan Mohamad Zaidi bin Abd Rahman, 2011). Melalui istilah “responsibility to protect”, kedaulatan sesebuah negara bukan hanya menjadi satu keistimewaan, tetapi juga menjadi tanggungjawab utama.

Terdapat kaedah-kaedah tertentu yang bertujuan untuk melindungi orang awam, seperti larangan serangan sengaja atau secara langsung terhadap orang awam dan objek awam, larangan serangan terancang, larangan menggunakan orang awam sebagai “perisai manusia”, serta

larangan mengambil orang awam sebagai tebusan. Pelanggaran terhadap mana-mana prinsip dalam UUKA, sama ada terhadap orang awam atau pejuang ketenteraan, adalah suatu perbuatan jenayah peperangan. Di bawah prinsip bidang kuasa sejagat, suspek terhadap perlakuan yang boleh dikategorikan sebagai jenayah peperangan boleh didakwa bukan sahaja oleh negara di mana jenayah itu berlaku, tetapi oleh semua negara (Hans-Peter Gasser. IRRC September 2002).

PERMASALAHAN KAJIAN

Penulisan artikel ini menerangkan analisis pemakaian prinsip-prinsip UUKA dalam sejarah peristiwa konflik bersenjata antarabangsa yang telah berlaku. Berdasarkan penjelasan ringkas tentang UUKA yang dinyatakan, timbul persoalan yang menjadi titik tolak kepada kajian ini yang bersandarkan kepada pernyataan masalah; terdapat kelemahan terhadap pemakaian prinsip-prinsip UUKA dalam sejarah konflik bersenjata antarabangsa. Justeru, penulisan artikel ini penting untuk membincangkan pemakaian dan pematuhan terhadap prinsip-prinsip UUKA sebagai perkara yang perlu diperjuangkan berdasarkan undang-undang sedia ada.

Penulisan artikel ini menetapkan dua objektif utama untuk menilai tahap pemakaian prinsip-prinsip UUKA dalam sejarah konflik bersenjata antarabangsa. Objektif penulisan artikel ini adalah: 1) untuk menerangkan prinsip-prinsip asas UUKA, dan 2) untuk menganalisis pemakaian prinsip-prinsip tersebut dalam sejarah konflik bersenjata antarabangsa. Manakala persoalan-persoalan yang perlu dijawab bagi mencapai objektif-objektif tersebut adalah: 1) apakah prinsip-prinsip asas dalam UUKA, dan 2) sejauh manakah pemakaian prinsip-prinsip tersebut dipatuhi

dalam sejarah konflik bersenjata antarabangsa.

METODOLOGI KAJIAN

Penulisan artikel ini menggunakan kaedah doktrinal perundangan. Kaedah ini melibatkan analisis teks undang-undang, perundangan, keputusan mahkamah, serta bahan akademik dan laporan yang berkaitan dengan isu undang-undang. Kajian ini memberi tumpuan kepada sumber primer seperti undang-undang bertulis, perjanjian antarabangsa, dan dokumen rasmi yang lain. Pendekatan ini berfokus pada kajian perundangan dengan perspektif kritikal, yang menilai hubungan kuasa, ketidakadilan, dan bagaimana undang-undang mungkin memperkukuh struktur sosial yang tidak adil.

PRINSIP-PRINSIP UNDANG-UNDANG KEMANUSIAAN ANTARABANGSA

Prinsip-prinsip utama dalam UUKA berfungsi untuk melindungi individu dalam situasi konflik bersenjata dan memastikan bahawa peperangan dijalankan dengan cara yang berperikemanusiaan. Prinsip-prinsip ini bertujuan untuk mengurangkan penderitaan manusia dan memastikan bahawa hak asasi manusia dihormati, walaupun dalam keadaan perang. Prinsip asas UUKA dipecahkan daripada prinsip-prinsip UUKA (Henckaerts, J. M., & Doswald-Beck, L, 2005) seperti berikut:

- a. Prinsip Kemanusiaan.
- b. Prinsip Keperluan.
- c. Prinsip Keseimbangan.
- d. Prinsip Perbezaan.

Prinsip Kemanusiaan

Prinsip Kemanusiaan ialah asas utama dalam UUKA. Prinsip ini menggariskan bahawa dalam mana-mana situasi konflik bersenjata, tindakan yang diambil hendaklah bertujuan untuk mengurangkan

penderitaan terhadap manusia. Prinsip ini menuntut perlindungan terhadap orang awam dan mereka yang tidak lagi mampu mengambil bahagian dalam peperangan, seperti tawanan perang, orang yang cedera, dan orang sakit. Semua pihak yang terlibat dalam peperangan hendaklah bertindak dengan pertimbangan berperikemanusiaan dan menghindari tindakan yang menyebabkan penderitaan yang tidak perlu (ICRC, 2020).

Prinsip kemanusiaan menegah penderitaan, kecederaan, atau kemusnahan secara berlebihan serta bukan di atas dasar tuntutan keperluan peperangan bagi mencapai objektif ketenteraan yang sah, walaupun dilakukan terhadap pihak musuh. Prinsip kemanusiaan mengiktiraf imuniti asas penduduk awam dan harta benda awam daripada serangan ketenteraan kerana orang awam dan harta benda awam tidak memberi sumbangan kepada tindakan ketenteraan (ICRC, 2020).

Prinsip Kemanusiaan dalam Konvensyen Geneva 1949

Prinsip kemanusiaan termaktub dalam Konvensyen Geneva 1949, terutamanya Konvensyen I-IV, yang mengatur perlindungan terhadap orang awam, tawanan perang, serta orang yang cedera dan sakit. Di samping itu, Protokol Tambahan I (AP I) 1977 turut menegaskan prinsip ini dengan lebih lanjut, khususnya dalam konteks perlindungan orang awam daripada serangan langsung dalam peperangan. Peruntukan yang mencerminkan prinsip kemanusiaan adalah seperti berikut (United Nations, 1949):

- i. Artikel 3 kepada Konvensyen Geneva I (GC I) 1949 menyatakan bahawa dalam konflik bersenjata bukan antarabangsa (NIAC), pihak-pihak yang berperang hendaklah memberikan perlindungan asas kepada orang yang tidak terlibat dalam pertempuran, serta melarang

tindakan yang tidak berperikemanusiaan.

- ii. Protokol Tambahan I (AP I) 1977 memperkuat prinsip ini dengan menetapkan larangan terhadap penyiksaan dan perlakuan yang tidak berperikemanusiaan terhadap orang yang ditawan atau yang cedera.

Kes Undang-undang dan Keputusan Mahkamah yang Berkaitan dengan Prinsip Kemanusiaan

Beberapa kes penting yang berkaitan dengan prinsip kemanusiaan ini telah diputuskan oleh Mahkamah Antarabangsa dan Tribunal Jenayah Perang, yang menunjukkan penerapan prinsip kemanusiaan dalam konteks perundangan, iaitu seperti berikut:

i. Kes Tadic (ICTY, 1995)

Kes Prosecutor v. Dusko Tadic adalah kes pertama yang dibicarakan oleh Mahkamah Jenayah Antarabangsa untuk bekas Yugoslavia (ICTY). Tadic, seorang anggota pasukan tentera Serbia, didakwa terlibat dalam pelbagai jenayah perang semasa konflik di Bosnia dan Herzegovina, yang merupakan sebahagian daripada perang yang lebih luas dalam bekas Yugoslavia pada awal 1990-an. Tadic didakwa atas pelbagai jenayah perang, termasuk pembunuhan, penyiksaan, dan serangan terhadap orang awam semasa dia berkhidmat sebagai komander dalam pasukan tentera Serbia. Beliau dituduh terlibat dalam serangan ke atas orang awam, terutama di kem tahanan, serta penyiksaan dan pembunuhan tawanan perang, yang mencabuli UUKA.

Kes ini melibatkan jenayah yang berlaku semasa pertempuran antara pasukan tentera Bosnia dan Serbia di kawasan yang dikuasai oleh pasukan Tadic. ICTY memutuskan bahawa Tadic didapati bersalah atas pelbagai dakwaan, termasuk pembunuhan, penyiksaan, dan

perlakuan tidak berperikemanusiaan terhadap tawanan perang dan orang awam. Selain itu, kes ini terkenal kerana keputusan Mahkamah mengenai prinsip “keadaan perang antarabangsa”. Mahkamah memutuskan bahawa walaupun konflik ini berlaku dalam konteks pertempuran antara pelbagai kumpulan di dalam negara yang sama, ia masih dianggap sebagai konflik bersenjata antarabangsa kerana penglibatan pihak-pihak asing dan penggunaan tentera oleh negara-negara jiran dalam menyokong pihak-pihak yang berperang.

Dalam kes ini, mahkamah mendapati bahawa Tadic bertanggungjawab atas beberapa pelanggaran serius terhadap UUKA, termasuk:

- (1) Pembunuhan beramai-ramai terhadap individu yang tidak bersalah.
- (2) Penyiksaan terhadap tawanan perang dan orang awam yang tidak terlibat dalam pertempuran.
- (3) Penggunaan taktik yang melanggar UUKA dalam pengendalian tawanan perang dan orang awam.

Keputusan dalam kes ini adalah pengesahan prinsip yang menyatakan bahawa jenayah perang adalah jenayah individu, dan pihak yang bertanggungjawab boleh dihukum walaupun mereka hanya berfungsi dalam kapasiti ketenteraan atau sebagai individu dalam pemerintahan. Kes Prosecutor v. Tadic adalah penting dalam sejarah undang-undang jenayah antarabangsa kerana ia menandakan permulaan pendakwaan individu di bawah UUKA oleh ICTY.

ii. Kes Akayesu (ICTR, 1998)

Jean-Paul Akayesu adalah seorang pemimpin politik di kawasan Taba, Rwanda, semasa genocide Rwanda yang berlaku pada tahun 1994. Semasa peristiwa genocide, lebih daripada 800,000 orang, terutamanya anggota etnik Tutsi dan Hutu telah dibunuh oleh pasukan pemerintah dan kumpulan-kumpulan militan. Akayesu didakwa terlibat dalam merancang dan melaksanakan pembunuhan beramai-ramai dan jenayah perang semasa genocide tersebut. Akayesu didakwa berperanan dalam menyerang dan membunuh orang awam Tutsi, serta merancang dan menyebarkan tindakan keganasan. Beliau turut didakwa memberikan sokongan moral dan logistik kepada kumpulan-kumpulan yang terlibat dalam pembunuhan, termasuk memberi arahan kepada pasukan keselamatan untuk membunuh orang awam, wanita, dan kanak-kanak.

Mahkamah Jenayah Antarabangsa untuk Rwanda (ICTR) mendapati *Jean-Paul Akayesu* bersalah atas pembunuhan beramai-ramai, jenayah perang, dan jenayah terhadap kemanusiaan. Dalam kes ini, Mahkamah telah memutuskan bahawa *Akayesu* didapati bersalah atas pembunuhan beramai-ramai kerana beliau memainkan peranan aktif dalam perancangan dan pelaksanaan pembunuhan sistematik terhadap etnik Tutsi di wilayahnya. *Akayesu* juga didapati bersalah atas penyiksaan dan perlakuan tidak berperikemanusiaan terhadap mangsa-mangsa perang. Keputusan dalam kes ini sangat penting kerana ia merupakan kes pertama di mana pemerkosaan secara jelas diterima sebagai jenayah perang dan jenayah terhadap kemanusiaan.

Keputusan dalam kes *Prosecutor v. Akayesu* merupakan satu langkah

penting dalam perkembangan undang-undang jenayah antarabangsa, terutamanya dalam mengenali dan mengutuk kekejaman yang dilakukan semasa *genocide*. Mahkamah menegaskan bahawa tindakan kejam dan pembunuhan beramai-ramai terhadap kumpulan etnik tertentu, termasuk penyiksaan dan pemerkosaan, adalah pelanggaran serius terhadap hak asasi manusia dan undang-undang kemanusiaan antarabangsa.

iii. Kes Kunarac (ICTY, 2001)

Kes *Prosecutor v. Kunarac* melibatkan tiga individu iaitu *Radomir Kunarac*, *Dragoljub Kunarac*, dan *Milan Kovacevic*, yang merupakan anggota pasukan tentera Bosnia Serb semasa konflik di Bosnia-Herzegovina pada awal 1990-an. Mereka didakwa melakukan jenayah perang dan jenayah terhadap kemanusiaan semasa serangan ke atas komuniti Muslim di kawasan Foca, Bosnia. *Radomir Kunarac*, sebagai komander tentera, bersama dengan dua individu lain, didakwa terlibat dalam serangan yang melibatkan pembunuhan, penyiksaan, pemerkosaan, dan pemerdagangan wanita.

ICTY mendapati *Radomir Kunarac*, *Dragoljub Kunarac*, dan *Milan Kovacevic* bersalah atas pelbagai tuduhan jenayah perang dan jenayah terhadap kemanusiaan, termasuk pemerkosaan, pembunuhan, penyiksaan, dan perlakuan tidak berperikemanusiaan terhadap wanita Muslim yang ditahan. Keputusan utama Mahkamah dalam kes ini adalah bahawa pemerkosaan yang dilakukan dalam konteks perang merupakan jenayah perang dan jenayah terhadap kemanusiaan. Mahkamah juga mendapati bahawa pemaksaan terhadap wanita untuk menjadi pelacur dan bekerja dalam keadaan yang

menghinakan merupakan satu bentuk penyiksaan dan perlakuan yang tidak berperikemanusiaan, serta melanggar undang-undang kemanusiaan antarabangsa. Mahkamah menegaskan bahawa individu yang berperanan dalam jenayah perang, seperti *Kunarac* dan yang lainnya, boleh dipertanggungjawabkan atas tindakan mereka, walaupun mereka hanya melaksanakan perintah atau bertindak dalam kapasiti tentera.

Keputusan dalam *Prosecutor v. Kunarac* adalah penting kerana ia menandakan pengakuan bahawa pemerkosaan merupakan bentuk jenayah perang dan jenayah terhadap kemanusiaan. *ICTY* memberi pengajaran penting bahawa individu yang terlibat dalam jenayah perang, terutamanya yang melibatkan pemerkosaan dan penyiksaan, bertanggungjawab atas tindakan mereka, dan perbuatan tersebut tidak boleh dianggap sebagai suatu tindakan yang sah dalam konflik bersenjata.

Penilaian Terhadap Keputusan Mahkamah Berkaitan Prinsip Kemanusiaan

Kajian ini mendapati, berdasarkan kepada kes-kes mahkamah yang dibincangkan, prinsip kemanusiaan sememangnya merupakan tunjang utama UUKA yang bertujuan mengurangkan penderitaan manusia semasa konflik bersenjata. Prinsip ini terkandung dalam empat Konvensyen Geneva 1949, Protokol Tambahan 1977, serta berkembang melalui amalan negara dan keputusan mahkamah antarabangsa.

Dalam konteks perkembangan UUKA moden, kes *Prosecutor v. Tadić* (1995), *Prosecutor v. Akayesu* (1998) dan *Prosecutor v. Kunarac* (2001) merupakan antara keputusan kehakiman yang paling signifikan dalam memperkukuh pemakaian prinsip kemanusiaan. Ketiga-tiga kes tersebut bukan sahaja mengesahkan kewujudan tanggungjawab jenayah

individu terhadap pelanggaran serius UUKA, malah memperluaskan skop perlindungan kemanusiaan kepada mangsa konflik bersenjata yang sebelum ini kurang mendapat pengiktirafan, khususnya wanita dan komuniti etnik yang menjadi sasaran pemusnahan sistematik.

Beberapa kupasan dapat dibuat berdasarkan kepada ketiga-tiga kes yang dibincangkan di atas. Kes *Tadić* telah menjadi satu titik perubahan yang penting apabila *ICTY* menegaskan bahawa individu boleh dipertanggungjawabkan secara langsung atas jenayah perang tanpa mengira kedudukan mereka dalam struktur ketenteraan atau politik. *ICTY* telah menolak tanggapan bahawa peperangan boleh dijadikan alasan untuk menghalalkan tindakan kejam terhadap orang awam dan tawanan perang. Pendekatan ini secara langsung telah memperkukuhkan prinsip bahawa perlindungan kemanusiaan bukan sekadar kewajipan moral tetapi merupakan norma undang-undang yang boleh dikuatkuasakan melalui mekanisme kehakiman antarabangsa.

Keputusan tersebut telah membawa implikasi besar terhadap perkembangan undang-undang antarabangsa kerana ia mengukuhkan konsep *individual criminal responsibility*. Prinsip ini kemudiannya telah diterima secara meluas dalam Statut ICC 1998. Dari perspektif kemanusiaan pula, perkembangan ini menunjukkan keberkesanan UUKA dalam menamatkan budaya impuniti yang selama ini membenarkan pelaku jenayah perang terlepas daripada hukuman.

Dalam kes *Akayesu* pula, *ICTR* telah mengiktiraf perbuatan jenayah pemerkosaan sebagai suatu bentuk

genocide apabila ia dilakukan dengan niat untuk memusnahkan sesuatu kumpulan etnik. Sebelum keputusan ICTR ini, keganasan seksual sering dianggap sebagai kesan sampingan peperangan dan tidak diberikan perhatian yang sewajarnya dalam undang-undang antarabangsa. Mahkamah menegaskan bahawa pemerkosaan bukan sahaja menyebabkan penderitaan fizikal dan psikologi, malah boleh digunakan sebagai alat pemusnahan komuniti secara sistematik. Pengiktirafan tersebut memperlihatkan keberkesanan prinsip kemanusiaan dalam menyesuaikan diri dengan realiti moden konflik bersenjata, sekaligus menunjukkan bahawa perlindungan kemanusiaan tidak lagi terhad kepada aspek fizikal semata-mata, malah turut meliputi perlindungan terhadap integriti seksual, maruah dan identiti individu.

Manakala, kes *Kunarac* telah memperkukuhkan lagi perkembangan ini apabila ICTY mengiktiraf perhambaan seksual dan pemerkosaan sistematik sebagai jenayah terhadap kemanusiaan. Mahkamah menekankan bahawa wanita yang dijadikan objek eksploitasi seksual dalam konflik bersenjata merupakan mangsa pelanggaran serius terhadap prinsip kemanusiaan.

Ketiga-tiga kes tersebut secara kolektifnya telah menunjukkan bahawa martabat manusia merupakan asas utama prinsip kemanusiaan. Dalam kes *Tadic*, penyeksaan dan layanan tidak berperikemanusiaan terhadap tawanan perang dianggap melanggar prinsip asas kemanusiaan. Dalam kes *Akayesu* pula, pembunuhan beramai-ramai dan keganasan seksual dilihat sebagai serangan terhadap kewujudan dan identiti sesuatu kumpulan manusia. Manakala dalam kes *Kunarac*, eksploitasi seksual sistematik diiktiraf sebagai pencabulan serius

terhadap maruah dan kebebasan individu. Pendekatan kehakiman ini menunjukkan bahawa prinsip kemanusiaan telah berjaya beralih daripada paradigma perlindungan minimum kepada paradigma perlindungan berasaskan hak asasi manusia.

Keberkesanan Prinsip Kemanusiaan Sebagai Mekanisme Pencegahan

Dari sudut yang lain, satu ukuran penting terhadap keberkesanan prinsip kemanusiaan ialah keupayaannya mencegah pelanggaran pada masa hadapan. Dari segi normatif, keputusan dalam kes *Tadic*, *Akayesu* dan *Kunarac* telah mewujudkan jurisprudens yang jelas mengenai bentuk-bentuk perlakuan yang dilarang dalam konflik bersenjata. Tribunal antarabangsa melalui kes-kes tersebut menghantar mesej bahawa pembunuhan orang awam, penyeksaan, pemerkosaan dan *genocide* merupakan jenayah yang akan dihukum tanpa mengira pangkat atau kedudukan pelaku.

Namun demikian, keberkesanan pencegahan tersebut masih boleh dipersoalkan. Konflik bersenjata yang berlaku selepas penubuhan ICTY dan ICTR seperti di Palastine, Syria, Myanmar, Sudan dan Ukraine menunjukkan bahawa pelanggaran serius terhadap prinsip kemanusiaan masih berterusan. Ini menunjukkan bahawa walaupun norma undang-undang telah diperkukuhkan, faktor politik, ideologi, etnik dan ketenteraan sering mengatasi pertimbangan kemanusiaan semasa konflik.

Kelemahan Pemakaian dan Penguatkuasaan Prinsip Kemanusiaan dalam Konflik Bersenjata Berdasarkan Kes Prosecutor v. Dusko Tadic, Akayesu (ICTR, 1998) dan Kunarac (ICTY, 2001)

Secara keseluruhannya, Kes *Tadic*, *Akayesu* dan *Kunarac* membuktikan

bahawa prinsip kemanusiaan telah memainkan peranan yang amat penting dalam perkembangan UUKA. Walaupun ketiga-tiga kes tersebut membuktikan kemajuan besar dalam pelaksanaan prinsip kemanusiaan, namun masih wujud beberapa kelemahan.

Tribunal antarabangsa sering menerima kritikan dari pelbagai pihak di seluruh dunia kerana hanya mendakwa pelaku daripada konflik-konflik tertentu sahaja, tanpa membuat penguatkuasaan secara menyeluruh. Dari perspektif prinsip kemanusiaan, penguatkuasaan yang selektif menimbulkan beberapa implikasi yang serius kerana ia melemahkan prinsip kesamarataan yang menjadi asas kepada undang-undang antarabangsa. Jika hanya sesetengah pelaku dihukum manakala yang lain terlepas daripada pertanggungjawaban kerana faktor politik, maka mesej bahawa semua manusia berhak mendapat perlindungan yang sama menjadi kurang meyakinkan.

Penguatkuasaan yang selektif boleh menjejaskan keyakinan mangsa terhadap sistem keadilan antarabangsa. Bagi mangsa konflik, keadilan bukan sekadar hukuman terhadap pelaku tetapi juga pengiktirafan bahawa penderitaan mereka diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa. Apabila sesetengah mangsa melihat bahawa jenayah yang berlaku terhadap mereka tidak disiasat atau didakwa dengan kesungguhan yang sama seperti konflik lain, timbul persepsi bahawa nyawa dan penderitaan mereka dinilai secara berbeza berdasarkan faktor politik dan bukannya prinsip kemanusiaan sejagat.

Mahkamah antarabangsa bergantung penuh kepada kerjasama negara-negara untuk menangkap dan menyerahkan tertuduh ke muka pengadilan. Tanpa kerjasama tersebut, prinsip kemanusiaan sukar dikuatkuasakan

secara total dan berkesan. Kebergantungan ini menyebabkan pelaksanaan keadilan antarabangsa sering terdedah kepada pertimbangan politik. Sesebuah negara mungkin enggan menyerahkan individu yang didakwa kerana individu tersebut merupakan pemimpin politik, pegawai tentera kanan atau tokoh yang masih mempunyai pengaruh dalam negara berkenaan. Dalam keadaan tertentu, kerajaan juga mungkin melihat penyerahan tertuduh sebagai ancaman kepada kestabilan politik domestik atau proses perdamaian nasional. Oleh itu, keterbatasan bidang kuasa mahkamah antarabangsa merupakan salah satu cabaran utama terhadap keberkesanan prinsip kemanusiaan.

Fenomena peperangan *urban* dan kemunculan kumpulan bersenjata bukan negara, organisasi pengganas dan peperangan siber telah mewujudkan cabaran baharu terhadap pelaksanaan prinsip kemanusiaan secara berkesan. Banyak konflik moden tidak lagi melibatkan tentera negara secara langsung, sekaligus telah menyebabkan penguatkuasaan prinsip kemanusiaan dalam UUKA menjadi lebih rumit dan mencabar. Kebanyakan konflik kontemporari bukan lagi peperangan konvensional antara dua negara, tetapi melibatkan kumpulan bersenjata bukan negara. Kesannya, pematuhan terhadap prinsip kemanusiaan menjadi semakin sukar untuk dipastikan.

Peredaran masa menunjukkan bahawa norma kemanusiaan menjadi semakin kukuh dari segi undang-undang. Namun begitu, tidak dinafikan bahawa pelanggaran terhadap prinsip kemanusiaan dalam konflik bersenjata di seluruh dunia masih berlaku secara meluas. Situasi ini menunjukkan bahawa kejayaan normatif

tidak semestinya diterjemahkan kepada pematuhan yang konsisten di lapangan.

Oleh itu, jurang antara norma dan realiti menggambarkan paradoks utama dalam UUKA. Di satu pihak, prinsip kemanusiaan telah mencapai kejayaan besar dari segi pembentukan norma dan pembangunan institusi perundangan antarabangsa. Di pihak yang lain, pelaksanaan praktikal norma tersebut masih berhadapan dengan pelbagai kekangan politik, ketenteraan dan institusi. Hakikat bahawa pelanggaran masih berlaku tidak menafikan kepentingan prinsip kemanusiaan, tetapi menunjukkan bahawa cabaran utama abad ke-21 bukan lagi pembentukan norma baharu, sebaliknya memastikan norma yang sedia ada dipatuhi secara konsisten oleh semua pihak yang terlibat dalam konflik bersenjata.

Walaupun masih terdapat cabaran dari segi penguatkuasaan, politik antarabangsa dan sifat konflik moden yang semakin kompleks, jurisprudens yang dibentuk melalui kes-kes tersebut telah mengubah landskap undang-undang antarabangsa secara fundamental. Prinsip kemanusiaan tidak lagi sekadar ideal moral tetapi telah berkembang menjadi norma undang-undang yang mengikat dan boleh dikuatkuasakan terhadap individu yang melakukan jenayah perang, jenayah terhadap kemanusiaan dan *genocide*. Oleh itu, sejarah perkembangan UUKA menunjukkan bahawa keberkesanan prinsip kemanusiaan terletak bukan sahaja pada kemampuannya menghukum pelaku, tetapi juga pada keupayaannya membentuk kesedaran global bahawa maruah manusia mesti dilindungi walaupun dalam keadaan peperangan.

PRINSIP KEPERLUAN

Prinsip keperluan ialah salah satu prinsip yang diiktiraf dalam UUKA yang mengatur peraturan mengenai penggunaan kekerasan dalam peperangan. Prinsip ini menyatakan bahawa penggunaan kekerasan dalam konflik bersenjata harus terhad hanya kepada tindakan yang benar-benar perlu untuk mencapai tujuan ketenteraan yang sah. Dengan kata lain, setiap tindakan yang dilakukan dalam perang harus berkait rapat dengan keperluan untuk mencapai kemenangan ketenteraan dan tidak boleh bertujuan untuk menyakiti orang awam atau menyebabkan kerosakan yang tidak perlu (United Nations, 1949).

Unsur Asas Prinsip Keperluan dalam Konvensyen Geneva 1949

Terdapat beberapa unsur asas prinsip keperluan sebagaimana yang dinyatakan dalam Konvensyen Geneva 1949, iaitu seperti berikut:

i. Tujuan Ketenteraan yang Sah

Setiap tindakan ketenteraan harus dilakukan untuk mencapai tujuan ketenteraan yang sah, seperti menewaskan pasukan musuh atau menghancurkan peralatan ketenteraan yang diperlukan untuk peperangan. Penggunaan kekerasan hanya dibenarkan jika ia mempunyai tujuan ketenteraan yang sah dan berfungsi untuk memajukan matlamat ketenteraan yang dibenarkan oleh UUKA.

ii. Larangan Menyerang Sasaran yang Tiada Kaitan dengan Tujuan Ketenteraan

Prinsip keperluan juga melarang serangan terhadap sasaran yang tidak berkaitan dengan objektif ketenteraan, seperti orang awam, harta benda awam, atau kemudahan yang tidak terlibat dalam peperangan. Sasaran yang tidak mempunyai kaitan langsung dengan usaha ketenteraan tidak boleh menjadi sasaran serangan.

iii. Keseimbangan

Dalam menjalankan tindakan ketenteraan, tindakan yang diambil mesti seimbang dengan objektif atau sasaran ketenteraan yang dijangkakan. Ini bermaksud, serangan atau penggunaan kekerasan tidak boleh menghasilkan kerosakan yang tidak sebanding dengan objektif ketenteraan yang diinginkan.

Prinsip keperluan tidak memberi kebebasan mutlak kepada angkatan bersenjata atau pejuang ketenteraan untuk melakukan apa sahaja yang mereka inginkan. Prinsip ini melarang kemusnahan atau tindakan berbahaya yang tidak perlu atau tidak sepatutnya semata-mata untuk mendapatkan kelebihan kuasa ketenteraan sesuatu pihak.

Kes Undang-undang dan Keputusan Mahkamah yang Berkaitan dengan Prinsip Keperluan Ketenteraan

i. Kes *Prosecutor v. Blaskic* (ICTY, 2000)

Kes *Prosecutor v. Blaskic* merujuk kepada *Tihomir Blaskic*, seorang komander tentera yang berkhidmat dalam tentera Croatia semasa konflik Bosnia pada awal 1990-an. *Blaskic* dihadapkan dengan tuduhan melakukan jenayah perang, termasuk jenayah terhadap kemanusiaan dan pelanggaran UUKA berhubung dengan tindakan ketenteraannya semasa Perang Bosnia. Tuduhan utama yang dibawa terhadap *Blaskic* berkaitan dengan serangan ke atas penduduk awam dan perkampungan yang didakwa tidak terlibat dalam konflik. Khususnya, tindakan yang dilakukan oleh unit-unit tentera di bawah arahan *Blaskic* di daerah Bosanska Krupa dan kawasan sekitarnya antara tahun 1992 dan 1993. *Blaskic* menghadapi tuduhan melibatkan penggunaan kekerasan terhadap orang awam, termasuk pembunuhan, penyiksaan, dan pemusnahan harta benda.

Pada tahun 2000, ICTY telah memberikan keputusan dalam kes *Prosecutor v. Blaskic*. Mahkamah membuat keputusan berdasarkan prinsip-prinsip UUKA, termasuk prinsip Keperluan Ketenteraan. Di dalam kes ini, Mahkamah mendapati bahawa beberapa tindakan yang dilakukan oleh tentera di bawah arahan *Blaskic* berlebihan dan tidak mempunyai hubungan langsung dengan tujuan ketenteraan yang sah. Prinsip keperluan yang menjadi pertimbangan mahkamah dalam membuat keputusan adalah seperti berikut:

- (a) Keperluan ketenteraan memainkan peranan penting dalam penghakiman kes ini, dengan mahkamah menegaskan bahawa serangan ketenteraan hanya boleh dilakukan ke atas sasaran ketenteraan yang sah.
- (b) Mahkamah menekankan bahawa kerosakan yang tidak perlu kepada orang awam atau harta benda awam yang tidak terlibat langsung dalam konflik bersenjata adalah dilarang.

Kes *Prosecutor v. Blaskic* menggariskan penerapan prinsip keperluan ketenteraan dalam UUKA, di mana serangan ketenteraan hanya boleh dilakukan untuk tujuan ketenteraan yang sah, dan segala tindakan yang menyebabkan kerosakan yang tidak sebanding dengan objektif ketenteraan yang dicapai adalah tidak sah.

ii. Kes *Prosecutor v. Radoslav Brdanin* (ICTY, 2007)

Kes *Prosecutor v. Radoslav Brdanin* adalah kes yang dibicarakan di ICTY, yang berakhir dengan keputusan pada tahun 2007. Dalam kes ini, *Radoslav Brdanin* ialah seorang pegawai tinggi di Republik Srpska semasa Perang Bosnia pada 1990-

an. Beliau berkhidmat sebagai ketua Jabatan Keselamatan Negeri dan memainkan peranan penting dalam merancang dan melaksanakan pembunuhan, pemindahan paksa, dan serangan terhadap penduduk Bosnia Muslim dan Croat.

Brdanin didakwa atas beberapa tuduhan jenayah perang, termasuk pembunuhan, pemerkosaan, dan pengusiran beramai-ramai. Tuduhan utama yang dihadapi *Brdanin* berkait dengan serangan yang melibatkan penindasan etnik, dan beliau didakwa terlibat dalam komplot untuk menghapuskan atau memindahkan dengan paksa penduduk Bosnia dari kawasan-kawasan yang diduduki oleh pasukan Serb.

ICTY telah menjatuhkan hukuman kepada *Radoslav Brdanin* pada tahun 2007. Beliau didapati bersalah atas beberapa tuduhan berkaitan dengan jenayah terhadap kemanusiaan dan jenayah perang, termasuk pengusiran beramai-ramai dan serangan terhadap orang awam. *Brdanin* dijatuhkan hukuman penjara selama 30 tahun atas peranannya dalam mengarahkan dan menguruskan operasi yang melibatkan jenayah-jenayah tersebut. Dalam kes ini, Mahkamah menegaskan bahawa tindakan yang diambil oleh beliau dan sekutunya, termasuk pengusiran beramai-ramai dan serangan terhadap penduduk awam, tidak memenuhi kriteria keperluan yang sah dalam UUKA. Mahkamah menekankan bahawa, tindakan yang melanggar prinsip-prinsip asas UUKA tidak boleh diterima dan individu yang terlibat dalam tindakan tersebut hendaklah diadili dan dijatuhkan hukuman yang setimpal sekiranya didapati bersalah.

iii. *Kes Prosecutor v. Galic (ICTY, 2003)*

Kes *Prosecutor v. Stanislav Galic* adalah kes yang dibicarakan di *ICTY* yang diputuskan pada tahun 2003. Dalam kes ini, *Stanislav Galic* ialah seorang pegawai tinggi tentera Serbia Bosnia semasa Perang Bosnia. Beliau merupakan komander

Tentera yang terlibat dalam operasi ketenteraan semasa pengepungan Sarajevo, ibu kota Bosnia-Herzegovina, yang berlaku dari 1992 hingga 1995. Sarajevo mengalami pengepungan yang panjang dan kejam oleh pasukan Serb, di mana ribuan orang awam terkorban akibat serangan ketenteraan.

Galic didakwa atas beberapa tuduhan jenayah perang dan jenayah terhadap kemanusiaan yang berkaitan dengan serangan terhadap orang awam di Sarajevo. Tuduhan terhadap *Galic* juga melibatkan pelanggaran UUKA yang melarang penggunaan kekerasan terhadap orang awam dan membolehkan serangan yang tidak seimbang dengan objektif ketenteraan. *ICTY* telah menjatuhkan hukuman 20 tahun penjara terhadap *Stanislav Galic* pada tahun 2003. Beliau didapati bersalah atas beberapa tuduhan jenayah perang dan jenayah terhadap kemanusiaan, termasuk serangan yang menyebabkan kematian dan penderitaan kepada orang awam.

Penilaian Terhadap Keputusan Mahkamah Berkaitan Prinsip Keperluan

Keputusan-keputusan *ICTY* dalam kes *Prosecutor v. Blaskic*, *Prosecutor v. Brdanin* dan *Prosecutor v. Galic* menunjukkan perkembangan penting dalam pentafsiran dan penerapan prinsip keperluan ketenteraan dalam UUKA. Ketiga-tiga keputusan tersebut menjelaskan bahawa prinsip keperluan ketenteraan adalah berdasarkan justifikasi dan tidak sewenang-wenangnya membenarkan serangan tanpa limitasi, serta hendaklah mematuhi prinsip asas UUKA seperti pembezaan dan keseimbangan.

Selain itu, keputusan dalam kes *Blaskic* juga menunjukkan bahawa prinsip keperluan ketenteraan tidak boleh dipisahkan daripada prinsip keseimbangan. Pendekatan ini selaras dengan Artikel 51(5)(b) dan Artikel 57 Protokol Tambahan I kepada Konvensyen Geneva 1977, yang mewajibkan pihak yang berperang

mengelakkan kemusnahan berlebihan kepada orang awam.

Sementara itu, keputusan dalam *Prosecutor v. Brdanin* memperluaskan lagi tafsiran prinsip keperluan ketenteraan dengan menolak hujahan bahawa matlamat politik atau keselamatan wilayah boleh dijadikan asas untuk membenarkan pengusiran paksa, penghapusan etnik dan serangan terhadap orang awam. Mahkamah menegaskan bahawa tindakan sedemikian bukan sahaja bercanggah dengan prinsip keperluan ketenteraan, bahkan secara asasnya bertentangan dengan objektif UUKA.

Dari perspektif teori UUKA, penghakiman dalam *Brdanin* turut memperlihatkan bahawa prinsip keperluan ketenteraan tidak berfungsi sebagai alasan pengecualian terhadap tanggungjawab jenayah antarabangsa. Sebaliknya, mahkamah menegaskan bahawa setiap tindakan ketenteraan mesti memenuhi syarat keperluan yang sebenar, mempunyai kaitan langsung dengan operasi ketenteraan dan tidak melanggar larangan mutlak seperti pembunuhan orang awam, penyeksaan atau pemindahan paksa penduduk.

Dalam *Prosecutor v. Galic*, mahkamah mengambil pendekatan yang lebih tegas dengan menilai bahawa kempen pengeboman dan tembakan penembak curi terhadap bandar Sarajevo bukanlah operasi ketenteraan yang sah tetapi merupakan kempen keganasan yang bertujuan menimbulkan ketakutan terhadap penduduk awam. Mahkamah menolak dakwaan bahawa tindakan tersebut dilakukan atas keperluan ketenteraan kerana sasaran utama serangan ialah orang awam dan bukannya objektif ketenteraan yang sah.

Kesimpulannya, ketiga-tiga keputusan mahkamah tersebut memperlihatkan bahawa prinsip keperluan tidak boleh dijadikan sebagai *license* untuk menggunakan kekerasan secara bebas, tetapi merupakan prinsip yang berfungsi dalam kerangka perlindungan kemanusiaan

yang lebih luas. Mahkamah secara konsisten menegaskan bahawa hanya tindakan yang mempunyai hubungan langsung dengan objektif ketenteraan yang sah, mematuhi prinsip pembezaan dan keseimbangan serta tidak menyebabkan penderitaan yang tidak perlu boleh dianggap memenuhi kehendak prinsip keperluan.

Kelemahan Pemakaian dan Penguatkuasaan Prinsip Keperluan Berdasarkan Kes Prosecutor v. Blaskic, Prosecutor v. Brdanin dan Prosecutor v. Galic

Walaupun keputusan ICTY dalam kes *Prosecutor v. Blaskic, Prosecutor v. Brdanin dan Prosecutor v. Galic* telah memperkukuhkan tafsiran prinsip Keperluan Ketenteraan dalam UUKA, ketiga-tiga kes tersebut juga telah menunjukkan beberapa kelemahan dalam aspek pemakaian dan penguatkuasaan. Kelemahan pertama yang dikenal pasti adalah ketiadaan definisi yang tepat dan seragam mengenai konsep keperluan ketenteraan dalam UUKA. Walaupun Konvensyen Geneva 1949 dan Protokol Tambahan I 1977 mengiktiraf prinsip ini sebagai salah satu asas dalam pengendalian peperangan, kedua-dua instrumen tersebut tidak memberikan takrif yang terperinci mengenai keadaan yang benar-benar memenuhi syarat “keperluan ketenteraan”. Keadaan ini memberikan ruang kepada pihak yang berkonflik untuk mentafsir konsep tersebut secara meluas berdasarkan pertimbangan operasional masing-masing.

Kelemahan kedua pula ialah kesukaran membuktikan hubungan langsung antara tindakan ketenteraan dengan objektif ketenteraan yang sah. Dalam ketiga-tiga kes ICTY tersebut, mahkamah perlu menilai sama ada tindakan ketenteraan benar-benar mempunyai kaitan dengan kelebihan ketenteraan yang konkrit atau sekadar dijadikan alasan untuk melaksanakan tindakan yang menyalahi undang-undang.

Dalam kes *Blaskic* dan kes *Galic*, mahkamah mengambil masa yang panjang untuk menilai sama ada sasaran yang

diserang benar-benar merupakan objektif ketenteraan yang sah. Hal ini menunjukkan bahawa beban pembuktian dalam kes berkaitan keperluan ketenteraan adalah amat kompleks kerana mahkamah perlu menilai keputusan yang dibuat dalam keadaan peperangan yang sentiasa berubah serta bergantung kepada maklumat yang mungkin tidak lengkap atau telah dimusnahkan.

Selain itu, kelemahan ketiga yang dikenal pasti ialah dari sudut akauntabiliti pemerintah tentera. Dalam ketiga-tiga kes tersebut, mahkamah akhirnya mensabitkan tertuduh melalui doktrin *command responsibility*, namun proses tersebut memperlihatkan betapa sukarnya membuktikan bahawa seorang komander mempunyai kawalan yang efektif terhadap anggota bawahannya.

Dalam konflik bersenjata yang melibatkan pelbagai kumpulan bersenjata, militia dan pasukan separa tentera, hubungan perintah tidak semestinya jelas. Oleh itu, terdapat keadaan di mana pelanggaran terhadap prinsip keperluan tidak dapat dikaitkan secara langsung dengan individu tertentu walaupun pelanggaran tersebut berlaku secara meluas.

Satu lagi kelemahan yang dapat dikenal pasti ialah ketiadaan mekanisme antarabangsa yang seragam untuk menilai keputusan ketenteraan secara masa nyata (*real-time assessment*). Dalam ketiga-tiga kes *ICTY* tersebut, mahkamah menilai tindakan ketenteraan berdasarkan bukti yang dikemukakan pada tempoh yang sangat lama selepas konflik berlaku. Walau bagaimanapun, keputusan operasi ketenteraan lazimnya dibuat dalam tempoh yang singkat berdasarkan maklumat yang tidak lengkap. Hal ini menimbulkan persoalan mengenai *standard* yang perlu digunakan untuk menentukan sama ada seorang komander benar-benar bertindak berdasarkan keperluan ketenteraan atau sama ada telah melampaui batas undang-undang.

Secara keseluruhannya, melalui ketiga-tiga kes tersebut, kajian ini mendapati, adalah menjadi satu pertimbangan yang sangat penting untuk mengimbangi antara kejayaan operasi ketenteraan, kekuatan pihak musuh dan elemen kemanusiaan. Setiap operasi ketenteraan hendaklah dicetuskan oleh keperluan perang yang penting, mendesak atau tidak dapat dielakkan dengan alasan yang munasabah. Oleh itu, prinsip ini menegaskan bahawa tiada hak mutlak terhadap para pemimpin, komander angkatan tentera atau pasukan keselamatan yang terlibat untuk melakukan apa sahaja yang mereka suka dalam peperangan atau konflik bersenjata. Prinsip keperluan dan kekerasan dalam konflik bersenjata sememangnya menuntut serangan ketenteraan terhadap pihak musuh bagi mencapai objektif untuk melemahkan pihak musuh tetapi serangan sedemikian tidak boleh menyebabkan bahaya kepada orang awam dan harta awam secara berlebihan ataupun bersifat tidak berperikemanusiaan terhadap pejuang ketenteraan pihak musuh.

PRINSIP KESEIMBANGAN

Prinsip keseimbangan berfungsi sebagai satu had bagi penggunaan kekerasan dalam konflik bersenjata, di mana kekuatan ketenteraan hanya boleh digunakan jika ia diperlukan untuk mencapai matlamat ketenteraan yang sah dan tidak boleh menyebabkan kerosakan yang berlebihan kepada orang awam atau harta benda awam. Dalam konteks ini, serangan ketenteraan yang berpotensi memberi kesan buruk kepada orang awam atau kawasan yang tidak terlibat dalam konflik mesti dielakkan, kecuali jika kesan tersebut sebanding dengan keuntungan ketenteraan yang diperoleh (ICRC, 2004).

Prinsip Keseimbangan dalam Protokol Tambahan I kepada Konvensyen Geneva 1977

Prinsip ini dijelaskan dalam Artikel 51(5)(b) Protokol Tambahan I kepada Konvensyen Geneva 1977, yang melarang serangan yang boleh menyebabkan

kecederaan atau kerosakan yang berlebihan terhadap orang awam berbanding dengan keuntungan ketenteraan yang dijangkakan. Oleh itu, serangan yang memusnahkan harta benda awam atau menyebabkan kematian orang awam tanpa manfaat ketenteraan yang setimpal akan dianggap melanggar prinsip ini. Artikel tersebut menyatakan bahawa:

"Serangan yang dijangka menyebabkan kerugian atau kerosakan yang berlebihan terhadap orang awam atau objek awam, berbanding dengan keuntungan ketenteraan yang dijangkakan, adalah dilarang."

Artikel tersebut menggariskan prinsip keseimbangan yang melarang serangan ketenteraan yang menghasilkan kerosakan yang tidak sepadan dengan keperluan ketenteraan.

Kes Undang-undang dan Keputusan Mahkamah yang Berkaitan dengan Prinsip Keseimbangan

i. Kes Prosecutor v. Radovan Karadzic, Judgment, ICTY, Case No. IT-95-5/18-T (2016)

Dalam kes ini, *Radovan Karadzic* adalah bekas Presiden Republik Srpska, sebuah entiti yang diwujudkan semasa Perang Bosnia (1992–1995). Beliau didakwa atas pelbagai jenayah perang, jenayah terhadap kemanusiaan, dan pembunuhan beramai-ramai yang berlaku semasa konflik tersebut. *Karadzic* berperanan penting dalam merancang dan melaksanakan beberapa tindakan ketenteraan yang mengakibatkan penderitaan besar kepada penduduk Bosnia, terutamanya golongan Muslim dan Croat. Berikut adalah perincian mengenai kaitan prinsip ini dalam kes beliau:

(1) Pengepungan Sarajevo (1992-1995)

Pengepungan Sarajevo adalah salah satu contoh pelanggaran prinsip keseimbangan. Semasa pengepungan, pasukan Serb di bawah arahan *Karadzic* melancarkan serangan ketenteraan ke arah kawasan awam di Sarajevo yang menyebabkan

ribuan kematian dan kecederaan kepada orang awam. Serangan ini jelas bertentangan dengan prinsip keseimbangan dalam UUKA, yang mengharuskan serangan ketenteraan tidak menyebabkan kemusnahan yang berlebihan.

(2) Pembunuhan Beramai-ramai Srebrenica (1995)

Pada 1995, selepas tentera Serb menguasai Srebrenica, lebih daripada 8,000 lelaki Muslim Bosnia dibunuh secara sistematik oleh pasukan Serb. Pembunuhan ini merupakan satu bentuk pembunuhan beramai-ramai yang tidak memenuhi keperluan ketenteraan yang sah. *Karadzic*, sebagai pemimpin tertinggi Republik Srpska, bertanggung jawab atas perancangan dan pelaksanaan tindakan tersebut. Serangan ini jelas melanggar prinsip keseimbangan kerana tindakan tersebut bertujuan untuk menghapuskan satu kumpulan etnik, tanpa sebarang objektif ketenteraan yang sah.

Dalam keputusan mahkamah pada 2016, *ICTY* mendapati *Karadzic* bersalah atas jenayah perang dan jenayah terhadap kemanusiaan, termasuk serangan terhadap orang awam di Sarajevo dan pembunuhan beramai-ramai di Srebrenica. Mahkamah memutuskan bahawa tindakan-tindakan yang dilakukan semasa pengepungan Sarajevo dan Srebrenica jelas melanggar prinsip keseimbangan kerana ia menyebabkan kemusnahan yang berlebihan dan penderitaan terhadap orang awam.

ii. Kes Prosecutor v. Ratko Mladic, Judgment, ICTY, Case No. IT-09-92-T (2016)

Ratko Mladic adalah bekas Jeneral Tentera Republika Srpska yang memainkan peranan utama dalam konflik Bosnia (1992-1995). Beliau didakwa atas pelbagai jenayah perang dan jenayah terhadap kemanusiaan yang dilakukan semasa perang tersebut, termasuk pembunuhan beramai-ramai, penyeksaan, dan serangan terhadap orang awam. Kes utama yang

dibicarakan adalah berhubung dengan peristiwa berikut:

a) Pembunuhan Beramai-ramai Srebrenica (1995)

Salah satu tuduhan utama terhadap *Mladic* adalah berhubung dengan pembunuhan beramai-ramai Srebrenica, yang berlaku pada Julai 1995. Pasukan Serb di bawah arahan *Mladic* membunuh lebih daripada 8,000 lelaki dan kanak-kanak Bosnia Muslim selepas mereka mengambil alih kawasan yang sebelumnya dianggap sebagai zon selamat oleh PBB. Pembunuhan ini dianggap sebagai salah satu jenayah perang yang paling teruk di Eropah selepas Perang Dunia II.

b) Pengepungan Sarajevo (1992-1995)

Mladić juga didakwa atas serangan terhadap orang awam di Sarajevo, ibu kota Bosnia, yang dikepung oleh tentera Serbia selama hampir empat tahun. Serangan-serangan tersebut termasuk tembakan penembak curi dan serangan artileri yang mengakibatkan kematian dan kecederaan kepada ribuan orang awam.

c) Tindakan Pengusiran Paksa

Mladic juga terlibat dalam usaha-usaha untuk memindahkan atau mengusir orang Bosnia Muslim dan Croat dari kawasan yang dikuasai oleh tentera Serb, melalui penggunaan kekerasan dan ancaman. Pada 22 November 2017, ICTY telah memutuskan *Mladic* bersalah atas pelbagai tuduhan, termasuk pembunuhan beramai-ramai, jenayah terhadap kemanusiaan, dan jenayah perang.

iii. *The International Criminal Court's (ICC) Preliminary Examination on the Situation in Palestine (2012–2021)*

The International Criminal Court's (ICC) Preliminary Examination on the Situation in Palestine (2012–2021) merujuk kepada siasatan terhadap jenayah perang yang berlaku dalam konflik antara Israel dan

Palestin, khususnya Hamas, di Gaza. Proses ini bermula pada tahun 2012 selepas Palestin diiktiraf sebagai negara pemerhati bukan ahli dalam PBB, yang kemudian membolehkan Palestin memohon agar ICC menjalankan siasatan terhadap jenayah yang berlaku di wilayahnya. Dalam pemeriksaan awal yang dijalankan oleh Pendakwa Raya ICC, beberapa dakwaan telah dibangkitkan, iaitu serangan udara oleh Israel yang disifatkan sebagai melanggar prinsip keseimbangan dan prinsip perbezaan, yang tidak menyasarkan objektif ketenteraan serta menyebabkan kemusnahan berlebihan kepada orang awam dan infrastruktur awam. Selain itu, tembakan roket oleh Hamas ke arah kawasan awam di Israel yang dianggap sebagai pelanggaran prinsip hukum antarabangsa kerana sifat tembakan tersebut yang tidak membezakan antara sasaran ketenteraan dan infrastruktur awam.

Pada 5 Februari 2021, Mahkamah memutuskan bahawa Palestin diiktiraf sebagai negara pihak kepada Statut Rom, yang memberikan ICC kuasa untuk menyasat dan mendakwa individu yang terlibat dalam jenayah perang yang berlaku di wilayah tersebut. Keputusan ini membuka laluan untuk penyiasatan penuh ke atas serangan yang berlaku di Gaza, terutamanya mengenai pelanggaran prinsip keseimbangan dan perbezaan dalam tindakan ketenteraan.

Keputusan ini membenarkan ICC untuk melanjutkan pemeriksaan ke atas kemungkinan jenayah perang yang dilakukan oleh kedua-dua pihak, iaitu Israel dan Palestin. Mahkamah juga menekankan bahawa Palestin diiktiraf sebagai negara pihak kepada Statut Rom, yang memberi ICC kuasa untuk menyasat dan mendakwa individu yang terlibat dalam jenayah perang yang berlaku di wilayah tersebut. Keputusan ini membuka laluan untuk penyiasatan penuh ke atas serangan yang berlaku di Gaza, terutamanya mengenai pelanggaran prinsip keseimbangan dan perbezaan dalam tindakan ketenteraan.

Penilaian Terhadap Keputusan Mahkamah Berkaitan Prinsip Keseimbangan

Berdasarkan kepada keputusan mahkamah dalam kes-kes yang dibincangkan, kajian ini mendapati, prinsip keseimbangan adalah salah satu asas penting dalam UUKA yang mengatur tindakan pihak yang terlibat dalam konflik bersenjata. Analisis terhadap keputusan dalam kes *Prosecutor v. Radovan Karadzic*, *Prosecutor v. Ratko Mladic* dan pemeriksaan awal Mahkamah Jenayah Antarabangsa mengenai situasi di Palestin menunjukkan bahawa prinsip keseimbangan telah berkembang daripada suatu prinsip operasi ketenteraan kepada satu piawaian undang-undang yang menjadi asas dalam menentukan liabiliti jenayah individu dalam konflik bersenjata.

Keputusan dalam *Prosecutor v. Karadzic* memperlihatkan bahawa ICTY telah mengaplikasikan prinsip keseimbangan secara menyeluruh dengan menilai hubungan antara objektif ketenteraan dan kesan sebenar terhadap penduduk awam. Dalam penghakimannya, mahkamah mendapati bahawa kempen pengepungan Sarajevo tidak boleh dianggap sebagai operasi ketenteraan yang sah kerana serangan artileri dan penembak curi dilakukan secara berterusan terhadap kawasan yang diketahui didiami oleh orang awam.

Aspek yang paling signifikan dalam kes *Karadzic* ialah penghakiman berkaitan pembunuhan beramai-ramai di Srebrenica. Dari perspektif prinsip keseimbangan, tindakan pembunuhan sistematik terhadap lebih 8,000 lelaki Bosnia Muslim langsung tidak mempunyai hubungan dengan objektif keperluan ketenteraan yang sah.

Pendekatan yang sama dapat diperhatikan dalam *Prosecutor v. Mladic*, di mana Mahkamah menegaskan bahawa kempen pengeboman dan tembakan penembak curi terhadap Sarajevo merupakan strategi ketenteraan yang sengaja mensasarkan penduduk awam bagi mewujudkan ketakutan dan tekanan

psikologi. Dari perspektif prinsip keseimbangan, mahkamah memberikan penekanan bahawa penilaian terhadap kesahan sesuatu serangan bukan sahaja bergantung kepada jumlah korban awam, tetapi juga mengambil kira corak serangan, jenis senjata yang digunakan, lokasi sasaran dan niat pemerintah tentera.

Berbeza dengan kedua-dua kes ICTY yang berakhir dengan sabitan, pemeriksaan awal ICC mengenai situasi di Palestin memperlihatkan dimensi yang lebih kompleks dalam pemakaian prinsip keseimbangan. Berbanding konflik Bosnia yang melibatkan struktur pemerintahan tentera yang lebih jelas, konflik di Palestin melibatkan peperangan antara angkatan tentera negara dengan kumpulan bersenjata bukan negara. Keputusan Mahkamah tersebut juga mempunyai implikasi penting terhadap perkembangan prinsip keseimbangan, di mana mahkamah tidak membuat penentuan muktamad mengenai sama ada sesuatu serangan benar-benar melanggar prinsip tersebut, tetapi memutuskan bahawa terdapat asas bidang kuasa untuk menjalankan penyiasatan lanjut terhadap dakwaan bahawa serangan Israel menyebabkan kemusnahan awam yang berlebihan dan bahawa serangan balas daripada Hamas merupakan serangan yang tidak berbeza.

Kesimpulannya, ketiga-tiga kes tersebut telah menyumbang secara signifikan kepada perkembangan prinsip keseimbangan dalam UUKA. Ketiga-tiga keputusan tersebut menegaskan bahawa sebarang penggunaan kekerasan hendaklah dinilai berdasarkan hubungan yang munasabah antara keperluan ketenteraan yang konkrit walaupun melibatkan kemudaratan terhadap orang awam.

Kelemahan Pemakaian dan Penguatkuasaan Prinsip Keseimbangan Berdasarkan Kes Prosecutor v. Karadzic, Prosecutor v. Mladic dan Situation in the State of Palestine (ICC)

Walaupun keputusan ICTY dalam kes *Prosecutor v. Karadzic*, *Prosecutor v. Mladic* dan keputusan ICC dalam *Situation*

in the State of Palestine, telah memperkukuhkan pemakaian prinsip keseimbangan dalam UUKA, analisis terhadap ketiga-tiga kes tersebut menunjukkan bahawa masih terdapat beberapa kelemahan yang ketara dalam aspek pemakaian dan penguatkuasaan prinsip tersebut.

Kelemahan yang paling ketara ialah UUKA tidak memberikan ukuran *standard* tuntas mengenai maksud kerosakan yang dianggap “berlebihan” berbanding keperluan ketenteraan. Artikel 51(5)(b) Protokol Tambahan I 1977 hanya menyatakan bahawa serangan adalah dilarang sekiranya kemusnahan awam dijangka berlebihan berbanding keperluan ketenteraan yang konkrit dan langsung, namun tidak menetapkan kadar had yang boleh digunakan oleh pihak yang berkonflik atau oleh mahkamah dalam memutuskan kes.

Kelemahan ini dapat dilihat dengan jelas dalam kes *Karadzic dan Mladic* di mana mahkamah mendapati bahawa serangan ketenteraan terhadap Sarajevo menyebabkan penderitaan yang tidak seimbang kepada orang awam. Walau bagaimanapun, mahkamah tidak menetapkan apakah ukuran yang digunakan untuk menentukan bahawa kemusnahan tersebut adalah “berlebihan”. Penilaian akhirnya dibuat berdasarkan keseluruhan fakta kes, termasuk corak serangan, lokasi sasaran dan jumlah mangsa awam. Pendekatan ini menyebabkan pemakaian prinsip keseimbangan bergantung kepada pertimbangan kehakiman yang bersifat subjektif serta mewujudkan ketidakpastian undang-undang.

Prinsip keseimbangan memerlukan mahkamah menilai sama ada keperluan ketenteraan yang dijustifikasikan itu benar-benar konkrit. Secara amalnya, keperluan ketenteraan sering kali melibatkan pertimbangan strategik yang hanya diketahui oleh pemerintah tentera ketika operasi dalam konflik bersenjata.

Dalam kes *Karadzic dan Mladic*, pihak pembela berhujah bahawa

pengepungan Sarajevo merupakan strategi ketenteraan yang bertujuan melemahkan keupayaan tentera Bosnia. Sebaliknya, pihak pendakwa berhujah bahawa serangan tersebut lebih bertujuan untuk mengganas dan menimbulkan ketakutan terhadap penduduk awam. Walaupun mahkamah akhirnya menerima hujah pendakwaan, proses tersebut sekaligus telah menunjukkan bahawa penentuan sama ada sesuatu keperluan ketenteraan itu benar-benar sah adalah sangat subjektif dan kompleks.

Keadaan menjadi lebih rumit kepada mahkamah dalam membuat keputusan terhadap kes *Situation in the State of Palestine*. Serangan udara Israel sering dijustifikasikan atas alasan memusnahkan pusat operasi Hamas, manakala Hamas pula mendakwa tindakan mereka merupakan usaha mempertahankan wilayah Palestin. Oleh yang demikian, penilaian terhadap keperluan ketenteraan tidak hanya bergantung kepada fakta fizikal di medan perang semata-mata, tetapi ia juga bergantung kepada maklumat risikan, perancangan operasi dan pengetahuan yang dimiliki oleh pihak-pihak dalam konflik ketika keputusan dibuat. Kesukaran ini menyebabkan prinsip keseimbangan sukar diaplikasikan dengan tepat dan konsisten.

Satu kelemahan ketara yang dapat dikenalpasti adalah penguatkuasaan prinsip keseimbangan hanya berlaku selepas konflik selesai. Dalam ketiga-tiga kes tersebut, ribuan orang awam telah terkorban sebelum tribunal atau mahkamah dapat menjalankan siasatan dan menjatuhkan hukuman terhadap pihak yang melakukan kesalahan atau jenayah. Sebagai contoh, keputusan terhadap kes *Karadzic* hanya dibuat pada tahun 2016, lebih dua dekad selepas pengepungan Sarajevo dan pembunuhan beramai-ramai di Srebrenica berlaku. Begitu juga dalam kes *Mladic* bila mana keputusan mahkamah hanya disabitkan pada tahun 2017. Dalam kes Palestin pula, *ICC* hanya memulakan penyiasatan selepas konflik yang menjadi asas dakwaan telah berlaku. Keadaan ini

telah menunjukkan bahawa mekanisme penguatkuasaan UUKA masih lebih bersifat menghukum (punitive) daripada mencegah (preventive).

Daripada perbincangan ketiga-tiga kes tersebut, dapat dikenalpasti bahawa wujudnya ketidakseragaman pentafsiran undang-undang antara mahkamah antarabangsa. Walaupun *ICTY* dan *ICC* menggunakan sumber undang-undang yang sama, pendekatan kedua-dua institusi terhadap prinsip keseimbangan adalah tidak seragam.

Sebagai contoh, *ICTY* dalam kes *Karadzic dan Mladic* telah membuat penentuan secara substantif bahawa prinsip keseimbangan telah dilanggar berdasarkan bukti yang lengkap selepas perbicaraan penuh. Sebaliknya, dalam keputusan mahkamah berkenaan *Situation in the State of Palestine*, *ICC* hanya memutuskan bahawa terdapat asas bidang kuasa untuk menjalankan penyiasatan dan tidak membuat penentuan muktamad mengenai pelanggaran prinsip tersebut. Perbezaan pendekatan ini menunjukkan bahawa tafsiran terhadap prinsip keseimbangan masih tidak sekata dan boleh diperdebatkan dalam undang-undang antarabangsa.

Berdasarkan kepada ketiga-tiga kes tersebut, dapat disimpulkan bahawa kelemahan utama pemakaian dan penguatkuasaan prinsip keseimbangan bukan terletak pada kekurangan norma undang-undang, tetapi pada cabaran praktikal dalam mentafsir, membuktikan dan menguatkuasakannya. Ketiadaan definisi yang jelas mengenai “berlebihan”, kesukaran menilai keperluan ketenteraan, kelewatan proses kehakiman dan ketidakseragaman pendekatan kehakiman menunjukkan bahawa pemakaian prinsip keseimbangan masih memerlukan penambahbaikan. Walau bagaimanapun, keputusan dalam *Karadzic, Mladic dan Situation in the State of Palestine* telah memberikan sumbangan yang signifikan kepada perkembangan jurisprudens antarabangsa dengan memperkukuhkan prinsip bahawa perlindungan orang awam

merupakan had undang-undang yang tidak boleh diketepikan atas alasan kepentingan ketenteraan semata-mata.

PRINSIP PERBEZAAN

Prinsip perbezaan merupakan salah satu asas utama dalam UUKA yang bertujuan untuk melindungi orang awam dan harta benda mereka daripada kesan langsung akibat peperangan. Prinsip ini menggariskan kewajipan kepada pihak yang terlibat dalam konflik bersenjata untuk membezakan antara sasaran yang sah dan orang awam atau sasaran awam yang tidak sah. Prinsip perbezaan memberi fokus kepada dua aspek utama, iaitu larangan serangan ke atas orang awam dan larangan melakukan kemusnahan terhadap infrastruktur awam (ICRC, 2005).

Kepentingan Prinsip Perbezaan

Prinsip perbezaan ialah asas kepada perlindungan orang awam dan harta benda semasa peperangan. Ia melindungi hak asasi manusia dengan memastikan bahawa perang tidak disertai dengan kerosakan yang tidak wajar atau penderitaan yang meluas kepada orang awam yang tidak terlibat dalam pertempuran. Prinsip ini juga membantu mencegah penggunaan kekuatan yang berlebihan dalam situasi konflik, kerana pihak-pihak yang terlibat dalam peperangan harus berusaha untuk mengelakkan serangan yang menyasar orang awam. Perkara 48 kepada Protokol Tambahan 1 (AP I) menyatakan prinsip pembezaan secara adatnya adalah seperti berikut:

“Untuk memastikan penghormatan dan perlindungan penduduk awam dan objek awam, Pihak-pihak kepada konflik hendaklah pada setiap masa membezakan antara penduduk awam dan pejuang ketenteraan dan antara objek awam dan objektif ketenteraan dan sewajarnya akan mengarahkan operasi ketenteraan mereka hanya terhadap objektif ketenteraan”.

Melalui peruntukan tersebut, penduduk awam yang dimaksudkan adalah orang awam, tidak boleh dijadikan objek serangan ketenteraan serta tidak boleh dilakukan sebarang bentuk aktiviti keganasan keatas mereka. Penjelasan terhadap prinsip perbezaan diperincikan dalam *United Nations, Protocol Additional to the Geneva Conventions of 12 August 1949, and Relating to the Protection of Victims of International Armed Conflicts (Protocol I), 8 June 1977*, adalah seperti berikut:

i. Kewajipan Membezakan Sasaran Ketenteraan dan Orang Awam

Pihak yang terlibat dalam konflik bersenjata diwajibkan untuk membuat perbezaan yang jelas antara sasaran ketenteraan dan orang awam atau objek awam. Oleh itu, serangan yang menyasarkan orang awam atau objek awam adalah dilarang, kecuali jika mereka digunakan untuk tujuan ketenteraan yang sah.

ii. Larangan Serangan Terhadap Orang Awam

Prinsip perbezaan juga melarang sebarang serangan yang secara langsung menyasarkan orang awam. Orang awam dan infrastruktur awam tidak boleh dijadikan sasaran dalam mana-mana serangan, melainkan jika terdapat "keperluan ketenteraan yang mendesak" dan jika serangan tersebut mematuhi prinsip keseimbangan, iaitu tidak menyebabkan kemusnahan yang berlebihan kepada orang awam.

iii. Perlindungan Terhadap Objek Awam

Infrastruktur awam, seperti hospital, sekolah, dan tempat ibadat, harus dilindungi daripada serangan kecuali jika ia digunakan untuk tujuan ketenteraan. Ini adalah untuk memastikan bahawa tempat-tempat ini tidak terjejas akibat konflik yang tidak mempunyai kaitan dengan objektif ketenteraan.

Pengaplikasian Prinsip Perbezaan dalam Operasi Ketenteraan

Prinsip perbezaan dicipta dan diterapkan dalam UUKA untuk melindungi orang awam dan objek awam yang tidak terlibat secara langsung dalam konflik bersenjata, sambil mengambil kira keperluan ketenteraan dan kegawatan situasi konflik bersenjata. Dalam konflik bersenjata, adalah perlu untuk melakukan perbezaan seperti yang berikut:

i. Orang Awam dan Pejuang Ketenteraan

Semua orang yang bukan anggota angkatan tentera atau peserta yang terlibat secara beramai-ramai dalam konflik bersenjata adalah dikategorikan sebagai orang awam. Sekiranya wujud keraguan sama ada seseorang itu adalah orang awam atau seorang pejuang ketenteraan, dia mesti dianggap sebagai orang awam. Walau bagaimanapun, seseorang orang awam boleh kehilangan keistimewaan perlindungan mereka daripada menjadi objek serangan sekiranya mereka mengambil bahagian secara langsung dalam konflik bersenjata yang sedang berlaku.

Pejuang Ketenteraan adalah anggota angkatan bersenjata dari pihak-pihak kepada konflik bersenjata, selain daripada kakitangan perubatan dan keagamaan (Artikel 43(2), AP I, 1977). Pejuang ketenteraan mempunyai hak untuk mengambil bahagian secara langsung dalam pertempuran konflik bersenjata.

ii. Objek Awam dan Objektif Ketenteraan

Objek Awam adalah semua objek yang bukan objektif tentera. Objek awam tidak boleh dijadikan objek serangan ketenteraan (Artikel 52, AP I, 1977). Sekiranya wujud keraguan sama ada objek yang biasanya digunakan untuk tujuan awam digunakan untuk memberi sumbangan berkesan

kepada tindakan ketenteraan, ia dianggap tidak akan digunakan sedemikian.

Objektif ketenteraan ialah objek atau benda yang, secara sifatnya, lokasi serta tujuan atau penggunaan objek tersebut, secara langsung memberikan sumbangan yang berkesan terhadap tindakan ketenteraan. Berbeza dengan objek awam, objektif ketenteraan adalah dibenarkan untuk dijadikan sasaran ketenteraan dalam konflik bersenjata.

Kes Undang-undang dan Keputusan Mahkamah yang Berkaitan dengan Prinsip Perbezaan

i. Kes *The Prosecutor v. Jean-Pierre Bemba Gombo (ICC-01/05-01/08)*

Kes ini melibatkan *Jean-Pierre Bemba Gombo*, seorang pemimpin politik dan ketua tentera dari Republik Demokratik Congo, yang dikenakan pertuduhan oleh ICC kerana mengarahkan pasukannya, yang dikenali sebagai Mujahidin Pembebasan (MNL), untuk terlibat dalam serangan terhadap orang awam di Republik Afrika Tengah pada tahun 2002 hingga 2003. Dalam kes ini, prinsip perbezaan menjadi salah satu isu utama kerana tentera *Bemba* didakwa menyerang orang awam dan mencabul prinsip perbezaan antara sasaran ketenteraan dan orang awam. Terdapat tiga fakta penting dalam kes ini iaitu 1) *Bemba* dituduh bertanggungjawab atas tindakan pasukannya yang terlibat dalam serangan terhadap orang awam di Republik Afrika Tengah. 2) Pasukan *Bemba* didakwa melakukan pembunuhan, pemerkosaan, dan perbuatan kekerasan lain yang melanggar hukum antarabangsa, termasuk melanggar prinsip perbezaan. 3) Tentera *Bemba* gagal membezakan antara sasaran ketenteraan dan orang awam, menyebabkan penderitaan yang meluas kepada orang awam di kawasan tersebut.

Pada 21 Mac 2016, ICC mendapati *Jean-Pierre Bemba Gombo* bersalah atas dua tuduhan jenayah perang dan jenayah terhadap kemanusiaan, termasuk serangan

yang dilakukan oleh pasukannya terhadap orang awam di Republik Tengah Afrika. Mahkamah mendapati bahawa pasukan *Bemba* secara terang-terangan melanggar prinsip perbezaan, kerana mereka tidak membezakan antara sasaran ketenteraan dan orang awam dalam serangan mereka.

Bemba dijatuhi hukuman penjara 18 tahun pada 21 Jun 2016 oleh ICC. Namun, pada 8 Jun 2018, Mahkamah Rayuan ICC membatalkan sabitan *Bemba* atas dakwaan jenayah perang dan jenayah terhadap kemanusiaan dengan alasan bahawa bukti yang ada tidak mencukupi untuk menunjukkan bahawa *Bemba* secara langsung bertanggungjawab terhadap tindakan jenayah tersebut. Keputusan ini mencetuskan perdebatan tentang kebertanggungjawaban pasukan yang berada di bawah arahan seorang pemimpin.

Kes *Jean-Pierre Bemba Gombo* adalah contoh penting dalam menegakkan prinsip perbezaan dalam UUKA. Dalam kes ini, pasukan *Bemba* gagal mematuhi prinsip perbezaan dengan tidak membezakan antara sasaran ketenteraan dan orang awam, sekali gus mengakibatkan pelanggaran serius terhadap UUKA.

ii. Kes *The Prosecutor v. Thomas Lubanga Dyilo (ICC-01/04-01/06)*

Thomas Lubanga Dyilo adalah pemimpin *Union of Congolese Patriots (UPC)* dan ketua pasukan bersenjata yang terlibat dalam konflik di Republik Demokratik Congo (DRC) pada awal 2000-an. *Lubanga* dituduh mengerahkan kanak-kanak dalam pasukannya dan menyebabkan mereka terlibat dalam perang, yang merupakan pelanggaran terhadap UUKA, khususnya undang-undang perlindungan kanak-kanak dalam konflik bersenjata.

Dalam kes ini, prinsip perbezaan memainkan peranan penting kerana *Lubanga* dituduh menggunakan kanak-kanak sebagai tentera dalam konflik yang melibatkan pertempuran dengan pasukan kerajaan. Prinsip perbezaan dalam UUKA menetapkan bahawa pihak yang terlibat

dalam peperangan harus membezakan antara sasaran ketenteraan dan orang awam, serta memastikan bahawa kanak-kanak tidak dipaksa terlibat dalam pertempuran. *Lubanga* dijatuhi hukuman 14 tahun penjara oleh ICC pada 10 Julai 2012 di atas kesalahan jenayah peperangan yang beliau lakukan.

Dalam kes ini, prinsip perbezaan sangat relevan kerana penggunaan kanak-kanak sebagai tentera dalam peperangan merupakan pelanggaran terhadap peraturan yang melindungi orang awam, terutamanya kanak-kanak. Dengan menggunakan kanak-kanak sebagai tentera, *Lubanga* tidak hanya melanggar hak asasi manusia kanak-kanak tetapi juga melanggar prinsip yang melindungi orang awam daripada pertempuran.

iii. Kes Serangan terhadap Bunker (Perang Teluk 1991)

Serangan terhadap *Bunker* di Baghdad semasa Perang Teluk 1991 merupakan salah satu insiden terkenal iaitu serangan udara yang dilakukan oleh pasukan Tentera Gabungan yang dipimpin oleh Amerika Syarikat terhadap *bunker* di Baghdad. Salah satu bunker yang disasarkan ialah *bunker* yang menempatkan pusat kawalan perang Iraq. Serangan ini telah menyebabkan banyak kematian orang awam kerana di dalam *bunker* tersebut terdapat orang awam yang berlindung daripada serangan sebelumnya.

Menurut beberapa organisasi hak asasi manusia, seperti *Amnesty International* dan *Human Rights Watch*, tindakan Tentera Gabungan dalam serangan udara yang menyebabkan kematian orang awam dianggap sebagai pelanggaran prinsip perbezaan. Terdapat dakwaan bahawa serangan tersebut tidak cukup berhati-hati untuk memastikan bahawa hanya sasaran ketenteraan yang diserang dan bukan kawasan di mana orang awam sedang berlindung atau tidak terlibat dalam peperangan.

Tentera Gabungan mendakwa bahawa serangan ini dilakukan terhadap sasaran yang dianggap sah dari segi ketenteraan, seperti pangkalan tentera dan infrastruktur ketenteraan. Mereka juga menyatakan bahawa sasaran-sasaran ini adalah penting untuk memenangi perang, dan serangan dilakukan dengan usaha untuk mengurangkan kerosakan kepada orang awam melalui penggunaan teknologi dan strategi serangan yang lebih tepat (Human Rights Watch, 1991).

Penilaian Terhadap Keputusan Mahkamah Berkaitan Prinsip Perbezaan Berdasarkan kes The Prosecutor v. Jean-Pierre Bemba Gombo, The Prosecutor v. Thomas Lubanga Dyilo dan Serangan terhadap Bunker (Perang Teluk 1991)

Berdasarkan kepada keputusan mahkamah dalam kes-kes yang dibincangkan, dapat diperhatikan bahawa prinsip perbezaan telah berkembang daripada suatu kewajipan operasi ketenteraan kepada satu norma undang-undang yang menjadi asas dalam menentukan liabiliti jenayah antarabangsa. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga kes tersebut turut memperlihatkan bahawa pemakaian prinsip perbezaan masih berhadapan dengan pelbagai cabaran, khususnya dalam konflik bersenjata moden.

Keputusan dalam *The Prosecutor v. Jean-Pierre Bemba Gombo* memberikan sumbangan penting kepada perkembangan prinsip perbezaan melalui penerapan doktrin tanggungjawab pemerintah. Pada tahun 2016, ICC mendapati bahawa pasukan di bawah kawalan *Bemba* telah melakukan pembunuhan, pemerkosaan dan pelbagai bentuk keganasan terhadap orang awam di Republik Afrika Tengah tanpa membezakan antara sasaran ketenteraan dan penduduk awam. Mahkamah menegaskan bahawa sebagai seorang komander tentera, *Bemba* mempunyai kewajipan undang-undang untuk mengambil langkah-langkah yang munasabah bagi menghalang, menyiasat

dan menghukum pelaku jenayah yang berada di bawah kawalannya.

Walau bagaimanapun, keputusan Mahkamah Rayuan ICC pada tahun 2018 yang membatalkan sabitan terhadap *Bemba* turut menimbulkan persoalan penting mengenai skop tanggungjawab pemerintah dalam penguatkuasaan prinsip perbezaan. Keputusan ini menunjukkan bahawa walaupun pelanggaran terhadap prinsip perbezaan dapat dibuktikan berlaku di lapangan, pensabitan terhadap pemerintah tentera masih memerlukan pembuktian yang sangat ketat mengenai elemen kawalan yang efektif dan pengetahuan tertuduh terhadap jenayah yang dilakukan.

Keputusan dalam *The Prosecutor v. Thomas Lubanga Dyilo* pula memperluaskan lagi skop prinsip perbezaan dengan menghubungkannya kepada perlindungan kanak-kanak dalam konflik bersenjata. Berbeza dengan kes *Bemba* yang menumpukan kepada serangan terhadap orang awam, kes *Lubanga* melibatkan pengambilan dan penggunaan kanak-kanak sebagai anggota pasukan bersenjata. Mahkamah menegaskan bahawa kanak-kanak merupakan golongan awam yang diberikan perlindungan khas di bawah UUKA, dan tindakan merekrut mereka ke dalam pasukan bersenjata telah menghapuskan perlindungan tersebut. Penghakiman dalam kes *Lubanga* memperlihatkan bahawa prinsip perbezaan tidak hanya melarang serangan secara langsung terhadap orang awam, malah turut melarang tindakan yang menjadikan orang awam sebagai sebahagian daripada operasi ketenteraan.

Manakala, insiden serangan terhadap bunker di Baghdad semasa Perang Teluk 1991 pula tidak menghasilkan penghakiman jenayah antarabangsa, namun mempunyai nilai yang penting dari sudut perkembangan prinsip perbezaan. Isu utama yang timbul ialah sama ada *bunker* tersebut masih boleh dianggap sebagai objektif ketenteraan yang sah apabila kewujudan orang awam diketahui atau sepatutnya diketahui oleh pihak yang

menyerang. Kontroversi tersebut memperlihatkan bahawa pemakaian prinsip perbezaan dalam konflik moden menjadi semakin rumit apabila infrastruktur awam turut digunakan bagi tujuan ketenteraan.

Kesimpulannya, ketiga-tiga kes tersebut telah memberikan sumbangan yang signifikan kepada pembangunan jurisprudens antarabangsa mengenai prinsip perbezaan. Mahkamah dan komuniti antarabangsa secara konsisten menegaskan bahawa perlindungan terhadap orang awam merupakan objektif utama UUKA, dan sebarang operasi ketenteraan hendaklah sentiasa berasaskan pembezaan yang jelas antara sasaran ketenteraan dan orang awam. Di samping itu, kes-kes tersebut juga menunjukkan bahawa keberkesanan prinsip perbezaan bergantung kepada keupayaan pihak yang berkonflik melaksanakan proses pengesahan sasaran yang teliti, pematuhan terhadap kewajipan langkah berjaga-jaga, serta penguatkuasaan akauntabiliti terhadap pihak yang gagal memastikan pasukan di bawah kawalan mereka mematuhi kehendak UUKA.

Kelemahan Pemakaian dan Penguatkuasaan Prinsip Perbezaan Berdasarkan Kes The Prosecutor v. Jean-Pierre Bemba Gombo, The Prosecutor v. Thomas Lubanga Dyilo dan Serangan Terhadap Bunker (Perang Teluk 1991)

Walaupun prinsip perbezaan diiktiraf sebagai asas utama dalam UUKA, analisis terhadap ketiga-tiga kes tersebut telah menunjukkan bahawa pelaksanaan dan penguatkuasaan prinsip perbezaan masih menghadapi pelbagai kelemahan.

Kes *Thomas Lubanga Dyilo* telah memperlihatkan bahawa salah satu kelemahan utama pemakaian prinsip perbezaan ialah perubahan sifat peperangan moden yang semakin melibatkan kumpulan bersenjata bukan negara dan penggunaan orang awam dalam operasi ketenteraan. Dalam kes tersebut, penggunaan kanak-kanak sebagai tentera telah mengaburkan

garis pemisah antara kombatan dan orang awam. Situasi ini menunjukkan bahawa prinsip perbezaan semakin sukar diaplikasikan dalam konflik kontemporari kerana kategori “kombatan” dan “orang awam” tidak lagi bersifat mutlak.

Kelemahan kedua yang dikenalpasti dapat dilihat dalam kes *The Prosecutor v. Jean-Pierre Bemba Gombo*. Dalam kes tersebut, Mahkamah menghadapi kesukaran untuk membuktikan tanggungjawab jenayah seseorang pemerintah tentera terhadap tindakan pasukan di bawah kawalannya. Walaupun ICC pada tahun 2016 mendapati bahawa pasukan Bemba telah melakukan pembunuhan, pemerkosaan dan serangan terhadap orang awam yang jelas melanggar prinsip perbezaan, namun Mahkamah Rayuan ICC pada tahun 2018 telah membatalkan sabitan tersebut atas alasan bahawa pihak pendakwa gagal membuktikan bahawa *Bemba* tidak mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk menghalang atau menghukum pelaku jenayah. Keputusan mahkamah rayuan ini sekali gus memperlihatkan bahawa dalam konteks penguatkuasaan prinsip perbezaan, pembuktian mengenai kawalan efektif, pengetahuan pemerintah dan kegagalan mengambil tindakan merupakan beban pembuktian yang sangat tinggi.

Kelemahan ketiga yang dikenalpasti dapat dilihat dalam konteks Perang Teluk 1991, iaitu kesukaran menentukan status sesuatu objek yang menjalankan fungsi ketenteraan dan fungsi awam secara serentak. Dalam peperangan tersebut, serangan terhadap bunker di Baghdad menunjukkan bahawa sesuatu objek boleh menjadi pusat komunikasi ketenteraan tetapi pada masa yang sama digunakan oleh orang awam sebagai tempat perlindungan. Dalam keadaan sedemikian, penentuan sama ada *bunker* tersebut merupakan objektif ketenteraan yang sah menjadi sangat rumit dan mengelirukan.

Kelemahan ini telah menunjukkan bahawa UUKA tidak memberikan garis

panduan yang benar-benar jelas mengenai cara menentukan status objek yang mempunyai dua atau lebih fungsi dalam satu masa. Akibatnya, tafsiran mengenai prinsip perbezaan banyak bergantung kepada maklumat risikan yang dimiliki oleh pihak tentera ketika operasi dijalankan.

Ketiga-tiga kes tersebut jelas menunjukkan bahawa perkembangan bentuk peperangan moden menjadikan pemakaian prinsip perbezaan dalam konflik bersenjata semakin sukar. Konflik bersenjata kontemporari berhadapan dengan situasi di mana kumpulan bersenjata beroperasi di kawasan padat penduduk, kemudahan awam digunakan bagi tujuan ketenteraan, pusat komunikasi ditempatkan di kawasan bandar dan orang awam sering berlindung berhampiran sasaran ketenteraan. Walaupun penggunaan senjata pintar (*precision-guided munitions*) mampu meningkatkan ketepatan serangan, teknologi tersebut tidak dapat menghapuskan sepenuhnya risiko terhadap orang awam sekiranya maklumat risikan mengenai sasaran tidak lengkap atau tidak tepat.

Berdasarkan ketiga-tiga kes tersebut, dapat disimpulkan bahawa kelemahan utama pemakaian dan penguatkuasaan prinsip perbezaan terletak pada kesukaran pembuktian tanggungjawab pemerintah tentera, perubahan sifat peperangan moden, penggunaan objek dwi-fungsi serta cabaran peperangan bandar. Walaupun keputusan dalam kes *Bemba* dan *Lubanga* telah memperkukuhkan prinsip perbezaan sebagai norma asas UUKA, manakala kontroversi Perang Teluk memperlihatkan cabaran pelaksanaannya dalam operasi ketenteraan berteknologi tinggi, ketiga-tiga kes tersebut menunjukkan bahawa keberkesanan prinsip perbezaan masih bergantung pada pembangunan mekanisme penguatkuasaan yang lebih konsisten serta penyeragaman tafsiran undang-undang oleh tribunal antarabangsa. Oleh itu, pengukuhan prinsip perbezaan pada masa

hadapan memerlukan bukan sahaja perkembangan jurisprudens, tetapi juga pembaharuan institusi dan prosedur penguatkuasaan agar perlindungan terhadap orang awam dapat direalisasikan dengan lebih berkesan dalam konflik bersenjata.

PENGIKTIRAFAN DAN PEMAKAIAN PRINSIP-PRINSIP UUKA OLEH MALAYSIA

Malaysia, sebagai sebuah negara berdaulat dan anggota komuniti antarabangsa, telah menunjukkan komitmen terhadap prinsip-prinsip UUKA melalui pengiktirafan Konvensyen Geneva 1949 serta pelaksanaan beberapa inisiatif domestik untuk memperkukuh pematuhan terhadap undang-undang tersebut. Malaysia menandatangani keempat-empat Konvensyen Geneva pada 24 Ogos 1962 dan mengesahkannya pada 24 Februari 1963. Walau bagaimanapun, Malaysia tidak meratifikasi Protokol Tambahan I dan II kepada Konvensyen Geneva 1977, dan Protokol Tambahan III kepada Konvensyen Geneva 2005.

Malaysia telah menggubal Akta Konvensyen Geneva 1962 (Akta 61) setelah meratifikasi keempat-empat Konvensyen Geneva 1949. Tujuan utama akta ini adalah untuk menguatkuasakan peruntukan Konvensyen Geneva dalam perundangan domestik Malaysia, dan menyediakan mekanisme perundangan bagi pendakwaan dan perlindungan terhadap pelanggaran UUKA, termasuk pelanggaran terhadap prinsip-prinsip UUKA sebagaimana yang telah dibincangkan. Kepentingan akta ini kepada Malaysia adalah untuk melaksanakan komitmen antarabangsa Malaysia selaku pihak kepada Konvensyen Geneva 1949 serta memberi asas undang-undang untuk perlindungan kemanusiaan semasa perang atau konflik bersenjata. Selain daripada itu, ia juga berkepentingan untuk membolehkan pendakwaan pelaku jenayah perang, sekaligus mencegah impunitas dan

mengukuhkan peranan Malaysia dalam pengaplikasian dan penguatkuasaan UUKA.

Di samping itu, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah mengeluarkan dua doktrin penting sebagai panduan pelaksanaan dan pematuhan UUKA dalam operasi ketenteraan serta sebagai persediaan menghadapi konflik bersenjata. Kedua-dua doktrin tersebut ialah *Malaysian Armed Forces Joint Doctrine 0-05 (MAFJD 0-05): The Law Of Armed Conflict 2016* dan *Malaysian Armed Forces Joint Doctrine 0-04 (MAFJD 0-04): Rules of Engagement 2018*. Kedua-dua doktrin tersebut merupakan merupakan doktrin rasmi ATM yang menggariskan prinsip-prinsip UUKA yang mesti dipatuhi oleh ATM dalam melaksanakan operasi ketenteraan. Doktrin-doktrin tersebut menyediakan panduan kepada pasukan ATM tentang bagaimana UUKA harus diterapkan dalam konteks operasi ketenteraan. Ia bertujuan untuk memastikan setiap tindakan ATM mematuhi prinsip-prinsip UUKA serta pelaksanaan *Rules of Engagement* yang mematuhi undang-undang semasa operasi ketenteraan atau konflik bersenjata.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, UUKA seharusnya bertindak sebagai kerangka utama untuk meminimumkan impak penderitaan orang awam dalam situasi konflik bersenjata. Pematuhan terhadap prinsip kemanusiaan, keperluan ketenteraan, keseimbangan dan perbezaan perlu diberi keutamaan bagi membentuk asas kepada perlindungan yang diberikan dalam situasi peperangan. Prinsip-prinsip ini bukan sahaja menggariskan batas-batas moral dan perundangan dalam peperangan, tetapi juga menetapkan kewajipan semua pihak yang terlibat dalam konflik untuk bertindak secara berperikemanusiaan.

Melalui analisis terhadap beberapa kes peperangan yang telah berlaku di peringkat antarabangsa, pelanggaran

terhadap prinsip-prinsip ini masih berlaku secara meluas. Ia sekali gus menyokong pernyataan masalah kepada kajian ini iaitu “terdapat kelemahan terhadap pemakaian prinsip-prinsip UUKA dalam sejarah konflik bersenjata antarabangsa”. Analisis penulisan ini juga mendedahkan bahawa serangan terhadap sasaran awam, penyeksan tahanan dan penggunaan senjata larangan membuktikan wujudkan cabaran dalam penguatkuasaan prinsip UUKA. Walaupun terdapat institusi seperti ICC dan pelbagai tribunal yang ditubuhkan untuk mengadili pelaku jenayah perang, pelaksanaan keadilan sering kali terhalang oleh faktor politik, kekurangan bukti, ketidaksediaan sesetengah negara untuk bekerjasama dan beberapa faktor lain seperti yang telah dikupas.

Dalam konteks undang-undang Malaysia, pelanggaran serius terhadap prinsip-prinsip UUKA berada dalam bidang kuasa Mahkamah Tinggi Malaysia dan dinyatakan dalam seksyen 3 Akta Konvensyen Geneva 1962, (Semakan 1993). Malaysia adalah negara yang tidak menjadi salah satu negara pihak dalam Protokol Tambahan I (AP I), Protokol Tambahan II (AP II) dan Protokol Tambahan III (AP III), tetapi turut mengambil kira perbuatan-perbuatan kesalahan jenayah perang sebagai kesalahan yang melanggar UUKA.

Namun begitu, kewujudan sistem pengadilan antarabangsa tetap merupakan satu langkah penting dalam menegakkan prinsip-prinsip kemanusiaan sejagat. Ia mewujudkan mekanisme kebertanggungjawaban dan memberi mesej bahawa sebarang pelanggaran tidak akan terlepas daripada perhatian masyarakat antarabangsa. Justeru, bagi memastikan keberkesanan UUKA, usaha berterusan perlu dilakukan untuk memperkukuh institusi pengadilan, meningkatkan kesedaran tentang prinsip kemanusiaan, serta memastikan semua negara mematuhi tanggungjawab mereka di bawah undang-undang antarabangsa. Hanya melalui komitmen bersama, matlamat utama

UUKA iaitu untuk melindungi maruah dan nyawa manusia dalam konflik bersenjata dapat direalisasikan sepenuhnya.

PENGHARGAAN

Artikel ini dihasilkan sebagai sebahagian daripada keperluan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Kedoktoran Undang-undang, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia.

RUJUKAN

- Additional Protocol I to The Geneva Convention, 1977.
- Additional Protocol II to The Geneva Convention, 1977.
- Additional Protocol III to The Geneva Convention, 2005.
- Akta Konvensyen Geneva 1962 (Akta 61).
- Amnesty International, "Iraq: Civilians Killed by Airstrikes in Their Homes After They Were Told Not to Flee Mosul," Press Release, March 17, 2017, <https://www.amnesty.org/en/latest/news/2016/10/usa-must-come-clean-about-civilian-deaths-caused-by-coalition-air-strikes-in-syria>.
- Geneva Convention 1949.
- Henckaerts, J. M., & Doswald-Beck, L. (2005). *Customary International Humanitarian Law: Volume I: Rules*. Cambridge University Press.
- Human Rights Watch. (1991). *The Gulf War: A Report on the Humanitarian Impact of the War on Iraq and Kuwait*.
- Human Rights Watch, "Iraq: Airstrike Vetting Changes Raise Concerns," News Release, March 28, 2017, <https://www.hrw.org/news/2017/03/28/iraq-airstrike-vetting-changes-raise-concerns>.
- International Committee of the Red Cross. (2020). *International Humanitarian Law: Answers to Your Questions*. Geneva: International Committee of the Red Cross.

- International Committee of the Red Cross (ICRC). (2004). *The Geneva Conventions of 1949 and their Additional Protocols*. ICRC.
- International Committee of the Red Cross (ICRC), *Customary International Humanitarian Law, Volume 1: Rules* (Cambridge University Press, 2005), Rule 1.
- International Committee of the Red Cross. 2020. *Geneva Conventions of 1949 and Additional Protocols*. Geneva: International Committee of the Red Cross.
- International Criminal Law. Cryer, R., Friman, H., Robinson, D., & Wilmschurst, E. Oxford: Oxford University Press, 2019.
- International Criminal Tribunal for the former Yugoslavia (ICTY). (1995). *Prosecutor v. Tadic*.
- International Criminal Tribunal for Rwanda (ICTR). (1998). *Prosecutor v. Akayesu*.
- International Criminal Tribunal for the former Yugoslavia (ICTY). (2001). *Prosecutor v. Kunarac*.
- International Criminal Tribunal for the former Yugoslavia (ICTY). (2016). *"Judgment in the case of Radovan Karadzic."* ICTY.
- International Criminal Tribunal for the former Yugoslavia (ICTY). (2017). *"Judgment in the case of Ratko Mladic."* ICTY. (Case No. IT-09-92-T).
- International Humanitarian Law: Rules, Controversies and Solutions to Problems Arising in Warfare. Sassoli, M. Cheltenham: Edward Elgar Publishing, 2019.
- Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC), Situation in Palestine: Report on Preliminary Examination Activities 2019, Laporan ICC.
- Malaysian Armed Forces Joint Doctrine 0-04 (MAFJD 0-04): Rules of Engagement 2018.
- Malaysian Armed Forces Joint Doctrine 0-05 (MAFJD 0-05): The Law Of Armed Conflict 2016.
- Principles of International Criminal Law. Cassese, A., Gaeta, P., Jones, J. R. W. D., & others. Oxford: Oxford University Press, 2020.
- Prosecutor v. Blaskic (International Criminal Tribunal for the former Yugoslavia, 2000).
- Prosecutor v. Radoslav Brdanin (ICTY, 2007).
- Prosecutor v Galic (ICTY, 2003).
- The Handbook of International Humanitarian Law (3rd Edition) is a major reference work on the law of armed conflict, edited by Dieter Fleck and published by Oxford University Press, 2013.
- The Prosecutor v. Thomas Lubanga Dyilo, ICC-01/04-01/06, Judgment, 14 March 2012, ICC Judgment.
- The Oxford Handbook of International Law in Armed Conflict. Clapham, A., & Gaeta, P. (Eds.). Oxford: Oxford University Press, 2014.
- United Nations. (1949). Geneva Conventions of 1949 and their Additional Protocols. Geneva: International Committee of the Red Cross.
- United Nations Office for the Coordination of Humanitarian Affairs (OCHA) (2020). International Humanitarian Law and Protection of Civilians.